

24 MAR 1996

PERDANA MENTERI POLAND BERLEPAS PULANG

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Poland Dr Wlodzimierz Cimoszewicz dan rombongannya berlepas pulang hari ini setelah menamatkan lawatan rasmi tiga hari ke negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah untuk mengucapkan selamat jalan.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad, selaku menteri pengiring, dan Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Railey Haji Jeffery.

Semasa lawatan itu, Poland dan Malaysia menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi, saintifik dan teknikal manakala pihak swasta kedua-dua buah negara menandatangani lima memorandum persefahaman yang antara lain meliputi bidang pembuatan traktor dan gerabak keretapi

Dr Cimoszewicz dan rombongannya tiba Jumaat lepas bagi merapatkan hubungan dua hala terutama dalam bidang pelaburan dan perdagangan. Beliau merupakan Perdana Menteri Poland yang pertama melawat negara ini. -- Bernama.

RV AHH